

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' JUNAIDAH BT. KAMARRUDDIN

KETUA SETIAUSAHA

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera; YBhg. Datin Paduka Che Asmah Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Kebajikan Negara, YBhg. Datuk Dr. Mohd Daud Bakar, Penaung Persatuan Cendekiawan Muda Syari'ah Malaysia, YBhg. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Pengerusi Bersama Malaysia CSO-SDG Alliance, YBhg. Prof. Madya Dr. Zulkifli Hasan, Timbalan Rektor, Student Development & Community Engagement, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah kerana dengan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama pada pagi ini bagi Seminar **Malaysia Civil Society Organisations Empowerment Programme (MyCSOEP 2019)**. Selamat datang saya ucapkan kepada semua dan selamat datang ke Malaysia kepada peserta dari Brunei yang turut bersama-sama kita pada hari ini.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yayasan Kebajikan Negara dan agensi penganjur bersama Philandure dengan kerjasama I-First International dan Persatuan Cendekiawan Muda Syari'ah Malaysia yang telah bertungkus lumus bekerja keras merangka satu program yang komprehensif meliputi tajuk-tajuk penting yang perlu difahami oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Program ini adalah merupakan yang pertama kali seumpamanya diadakan di bawah Kementerian ini. Bukanlah satu perkara yang mudah untuk mengumpulkan para pakar bidang di bawah satu bumbung dan bersama-sama berkongsi idea dan kepakaran.

3. Program ini adalah merupakan inisiatif untuk membangunkan masyarakat sivil di Malaysia dari sudut tadbir urus dan akauntabiliti serta meningkatkan kemahiran mereka di dalam hal-hal berkaitan *Sustainable Development Goal (SDG) & Social Currency, Social Entrepreneurship, Program Management, Fundraising, Marketing and Sustainability dan Organizational Development*. Program ini pastinya akan memberikan nilai tambah kepada semua yang terlibat.

4. Saya difahamkan lebih 50 buah organisasi yang terdiri daripada industri perbankan dalam dan luar negara, institusi pengajian tinggi, syarikat-syarikat konglomerat terkemuka, Majlis Agama, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan sektor keusahawanan sosial telah menghantar wakil dalam seminar ini di dalam pelbagai kapasiti samada penceramah, panelis, moderator mahupun

peserta. Program ini juga telah berjaya mengumpulkan para penyumbang untuk hadir sama. Ini akan membolehkan jaringan di antara penyumbang dan pertubuhan bukan kerajaan diwujudkan.

5. Saya percaya program yang dihadiri oleh 250 orang peserta ini mampu mencapai objektif yang telah ditetapkan pihak penganjur iaitu memperkasakan NGO-NGO di Malaysia dengan memberikan pendedahan terhadap perkembangan-perkembangan terkini dalam tadbir urus, pengurusan kutipan dana yang berkesan serta pematuhan kepada peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa dapat dicapai.

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan yang dihormati sekalian,

6. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penaja: Yayasan Petronas, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan serta Yayasan Hasanah yang telah sudi memberi tajaan bagi program ini. Semoga lebih banyak lagi syarikat korporat dan agensi-agensi yang berkenaan tampil untuk memberi sokongan kepada program berbentuk pembangunan kapasiti seperti ini agar penganjurannya dapat diteruskan pada masa akan datang.
7. Program dengan pengisian seperti ini amat wajar untuk dijadikan sebagai satu program tahunan dalam usaha untuk meningkatkan aras professionalism pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan di

Malaysia dan seterusnya meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasaran.

8. Besarlah harapan saya YBhg. Datuk, Datin dan tuan puan yang hadir memperolehi manfaat sepenuhnya dalam semua perkongsian yang telah disusun pada hari ini dan juga esok.

9. Dengan lafaz Bismilahirrahmanirrahim, saya merasmikan **Malaysia Civil Society Organisations Empowerment Programme** pada pagi ini.

Sekian. Terima kasih.